

Laman ALLAMANDA

MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH (MPKK)



EDISI 01 2024
JANUARI – JUN 2024

كرد سحر
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA



KERJASAMA STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH
DAN HEITECH PADU BERHAD

CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN MPKK 2024



KULIM BERSIH, INDAH, MAJU DAN SELAMAT

ISI KANDUNGAN

INFO PENGURUSAN

- Majlis Amanat Dato' Yang Dipertua, MPKK 3
- Majlis Sekalung Budi Setulus Kasih Kejayaan E10 4 - 5
- Sistem Penarafan Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2024 6
- Majlis Pendengaran Awam dan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam Bagi Rancangan Tempatan Daerah Kulim 2035 (Penggubahan 5) 7
- Cabutan Cukai Taksiran dan Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2024 8 -10

INFO ACARA/PROGRAM

- Program Gotong-royong Tapak Penjaja Barokah Taman Mahsuri, Padang Serai 11
- **Majlis Perasmian Tapak Penjaja Barokah Zon E-Tunai (Cashless Zone), Taman Mahsuri Padang Serai** 12 - 13
- Program Kerjasama Strategik MPKK dan Heitech Padu 14 – 15
- Program sumbangan barangan keperluan asas "Door to Door" sempena menyambut Perayaan Tahun Baru Cina tahun 2024 16
- Karnival Tahun Baru Cina Kulim 17
- Program Gotong-royong Perdana Serta Pelancaran Penanaman pokok teduhan dibawah Program Pemuliharaan alam sekitar Daerah Kulim 18 – 19
- Program Gerak Kerja Rakan Taman dan Tuaian Tanaman Sayuran di Kebun Komuniti Bandar Permata Lunas 20
- Majlis Penutup Tadarus Al-Quran dan Penyerahan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri 21
- Program *Volunteer Beyond* benih di Kebun Komuniti Taman Angsana 22
- Perlawanan Rasmi Sumbangsih Stadium Kulim 23
- Program Treat the Grease, Kulim Landmark Central 24
- Majlis Hi-tea dan Media Engagement sempena Hari Wartawan Nasional 2024 25
- Majlis Penyerahan tapak bengkel Air Merah, MPKK kepada Pihak Majlis Agama Islam Negeri Kedah 26
- Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (HAS) Peringkat Negeri Kedah 27
- Program Tanam Pokok dan Lawatan Media ke Kebun Komuniti Taman Serai Setia Wangi, Padang Serai 28
- Program Qurban Kelab Kebajikan Dan Sukan MPKK (KKS MPKK) Tahun 2024/1445H 29
- Program Kemampanan Komuniti Bandar – Karnival Kemeriahan Komuniti Kulim bagi tahun 2024 30 – 31
- Program Gotong-royong Mega di Taman Kenari, Kulim 32

INFO DELEGASI

- Lawatan Kerja Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah 33
- Lawatan turun padang (TUPA) BIRO BPA bersama PBT 34
- Kunjungan hormat Dato' YDP Ke Atas Ketua Setiausaha Negara 35
- Lawatan Dato' YDP ke Tapak Pelupusan Santari, Padang Cina 36
- Kunjungan hormat dan Lawatan kerja China Association of Environmental Protection Industry (AEPI) ke MPKK 37
- Lawatan 38 - 39
- Lawatan / Anugerah 40

INFO OPERASI

- Mini Pelancaran Operasi Ramadan 2024 Daerah Kulim 41
- Operasi Sitaan Kenderaan Terbiar 42

INFO LATIHAN / BENGKEL

- Bengkel Reformasi Peraturan Melalui Media 43
- Kursus Pengukuhan Integriti Melalui Pemahaman Sistem Pengurusan Anti-rasuah (SPAR) Majlis Perbandaran Kulim 44
- Kursus Pemantapan tatabahasa dalam penulisan dokumen rasmi Kerajaan 44
- Info Khas Cukai Taksiran 45

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff
DSDK., PSD., PMW., SDK., AMK., KAT., AMN., BCK.
Yang Dipertua MPKK

PENASIHAT

Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK.
Setiausaha MPKK

KETUA EDITOR

Puan Munira Binti Abdul Rahim
Ketua Unit komunikasi Korporat dan
Perhubungan Awam

EDITOR

Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim
Penolong Pegawai Penerangan,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

Puan Nurfarahin Binti Jefri
Pekerja Sambilan Harian,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

JURUGAMBAR

Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim
Penolong Pegawai Penerangan,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

Encik Syaiful Adnan Bin Othman
Pembantu Operasi,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

SIDANG EDITORIAL /

SUMBER MAKLUMAT

- Jabatan Khidmat Pengurusan
- Jabatan Perancangan dan Landskap
- Jabatan Perbendaharaan
- Jabatan Bangunan
- Jabatan Kesihatan Persekitaran
- Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- Jabatan Pembangunan Masyarakat
- Jabatan Penguatkuasaan
- Jabatan Kejuruteraan
- Unit Undang-Undang
- Unit OSC
- Bahagian Pembangunan Organisasi
- Bahagian Pengurusan Maklumat

KONSEP DAN PENERBITAN

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Perbandaran Kulim



MAJLIS AMANAT YANG DIPERTUA MPKK

11 Januari 2024 – Satu perjumpaan bersama seluruh warga kerja telah diadakan bersempena Majlis Amanat Yang Dipertua MPKK bersama Ahli-Ahli Majlis dan anggota MPKK bertempat di Dewan Bandaran, Kulim.

Antara intipati amanat YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK adalah :-

1. Anggota perlu berkhidmat dengan amanah dan integriti seperti amalan ikhlas dalam menunaikan solat lima waktu.
2. Ucapan penghargaan kepada warga MPKK atas kejayaan yang cemerlang, khususnya MPKK telah mengharumkan nama Negeri Kedah dan negara, dan ia merupakan kejayaan secara bersama.
3. MPKK menyasarkan jumlah pendapatan RM100 juta setahun.
4. Mendokong dasar *The Greater Kedah 2035* dengan pembangunan ekonomi yang mampan serta rakyat yang sejahtera.

Turut diraikan anggota MPKK yang bakal bersara, sesi penyampaian cenderahati dan sijil kepada :-

- 1) Encik Ishak bin Yassin,
Pembantu Awam Jabatan Kesihatan Persekitaran, MPKK
- 2) Encik Alias bin Shafie,
Pembantu Operasi Jabatan Khidmat Pengurusan, MPKK





MAJLIS SEKALUNG BUDI SETULUS KASIH

06 Januari 2024 - Majlis Sekalung Budi Setulus Kasih sempena kejayaan Inisiatif Permit Pembinaan Ekspres E10 Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) yang disempurnakan oleh Dr. Haji Nadzman bin Mustaffa, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Kedah diiringi YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK.

Sejajar dengan matlamat pembangunan negara dan negeri yang telah mengenal pasti Daerah Kulim sebagai Hub Teknologi Berimpak Tinggi, MPKK sentiasa berusaha dengan penuh komited bagi meningkatkan kecekapan dan kompetensi sistem penyampaian perkhidmatan terutamanya dalam memudahcara pembangunan tanpa mengetepikan keperluan undang-undang dan peraturan.



“Kerangka Pembangunan Negeri melalui Pelan Pembangunan Kedah 2035 telah mensasarkan Negeri Kedah Sebagai Negeri Sejahtera Dan Berdaya Huni. Dalam konteks ini, Negeri Kedah akan dipacu menjadi negeri yang berdaya saing, mampan dan berdaya tahan (Kedah Competitive, Sustainable and Resilient) serta pertumbuhan ekonomi Negeri yang berkembang maju (thriving) bagi meningkatkan Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri, penjaan peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk.”

“Hasil gabungan kerangka pembangunan spatial dan gagasan pentadbiran negeri ini telah membawa natijah yang ketara dalam meningkatkan keyakinan pelabur. Ini jelas terbukti apabila Kedah berada pada kedudukan teratas dalam senarai pelaburan negara dengan nilai pelaburan sebanyak RM21 billion bagi tempoh suku ketiga Januari hingga September 2023. Peningkatan sebanyak 75 peratus berbanding tempoh sama tahun 2022”, jelas Dr. Hj. Nadzman bin Mustaffa dalam ucaptamanya.



Di peringkat Negeri pelbagai usaha sedang digerakkan untuk menuju Gagasan “The Greater Kedah” yang memfokuskan agenda untuk menjadikan Kedah sebuah negeri yang sejahtera dan berdaya huni menjelang tahun 2035. Dalam konteks ini, pembangunan spatial yang dirancang khususnya di Kulim perlu diberi fokus agar pelaksanaannya berlangsung dengan baik dan menjadikan Daerah Kulim ini destinasi pilihan pelabur dari dalam dan luar negara.

Sejajar dengan matlamat pembangunan negara dan negeri yang telah mengenalpasti Daerah Kulim sebagai Hub Teknologi Berimpak Tinggi, MPKK sentiasa berusaha dengan penuh komited bagi meningkatkan kecekapan dan kompetensi sistem penyampaian perkhidmatan terutamanya dalam memudahcara pembangunan tanpa mengetepikan keperluan

undang-undang dan peraturan.

Dr Hj. Nadzman bin Mustaffa yang mewakili Kerajaan Negeri Kedah dalam penutup ucapamannya mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada MPKK serta seluruh Agensi Teknikal, pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Pihak (KTPC) di atas sumbangan dan sokongan menjayakan Inisiatif E10.

Turut hadir Tuan Haji Zaini bin Haji Ramli, Pegawai Daerah Kulim, YDH Supt. Mohd Azizul Bin Mohd Khairi, Ketua Polis Daerah Kulim, Tuan Mohamad Azrol Bin Mohamad Dali, Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara, Ahli-Ahli Majlis MPKK, Ketua-Ketua Jabatan Agensi Teknikal Luaran dan Agensi Teknikal Dalam.





SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) 2024

22 April 2024 – Sesi pengauditan Panel Penilai Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB – PBT) tahun 2024 ke Majlis Perbandaran Kulim Kedah.

Panel penilai adalah terdiri daripada enam orang pegawai Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diketuai oleh Encik Marthandan A/L Yathamaniyam, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulim. Sesi pengauditan ini berakhir pada jam 3.30 petang.

Pihak pengurusan MPKK merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada panel penilai KPKT dan seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Kulim di atas komitmen dan dedikasi yang telah diberikan untuk pengauditan ini.



MAJLIS PENDENGARAN AWAM DAN MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN AWAM BAGI RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KULIM 2035 (PENGUBAHAN 5)

25 Jun 2024 - Majlis Pendengaran Awam dan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam Rancangan Tempatan Daerah Kulim 2035 telah diadakan bertempat di Dewan Alamanda, Kulim Inn.

Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan Publisiti Awam / Seranta bagi Rancangan Tempatan Daerah Kulim 2035 (Pengubahan 5) pada 18 April 2024 – 19 Mei 2024 bertempat di perkarangan lobi pejabat Majlis Perbandaran Kulim dan juga pejabat Pihak Berkuasa Tempatan Hi-Tech.

Jumlah pengunjung yang hadir semasa program publisiti ini adalah seramai 3-5 orang dan tiada bantahan dan cadangan direkodkan sepanjang tempoh publisiti dilaksanakan.

Mesyuarat Jawatankuasa ini dipengerusi oleh Yang Berhormat Mejar (B) Mansor bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Negeri Kedah Darul Aman. Turut hadir bersama YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK.



Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran yang turut serta adalah Puan Noor Faizah binti Talib (Jurutera Kanan JKR); Ir. Shardani Bin Salleh (Timbalan Pengarah JPS); Encik Zainurddin bin Jamaluddin (Timbalan Pengarah Perhutanan); Encik Mohd Zahir bin Amdan (Penolong Pengarah PLANMalaysia Kedah).

Puan Uzwana Mahmud, Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK membentangkan Pengubahan 5, Rancangan Tempatan Daerah Kulim yang melibatkan 4 kawasan pengubahan manakala Encik Hafisol Abu Bakar, Ketua Unit Rancangan Pemajuan MPSPK, selaku pembentang bagi Pengubahan 5 dan 6, Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda.

Mesyuarat berjalan lancar, kelulusan diperolehi dan Pengubahan ini akan diangkat untuk pemakluman semasa Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Kedah Darul Aman Bil 3/2024 yang akan datang.





PROGRAM CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN MPKK 2024

07 Mei 2024 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah mengadakan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri dan Program Cabutan Bertuah Cukai Taksiran 2024 bertempat di Dewan Bandaran, Kulim. Majlis dimeriahkan dengan kehadiran para pemenang Cukai Taksiran, Tetamu Kehormat, Ahli-Ahli Majlis, rakan strategik media serta agensi kerajaan dan swasta.

Majlis dimulakan dengan Program Cabutan Bertuah Cukai Taksiran MPKK, Kempen Bayar Online dan Menang Tahun 2024. Hadiah keseluruhan berjumlah RM 120,000.00 disediakan bagi menghargai para pembayar Cukai Taksiran MPKK pada tahun ini. Hadiah yang ditawarkan MPKK adalah untuk 47 orang pemenang yang disenaraikan selepas cabutan awal pra cabutan bertuah dijalankan pada 27 Mac 2024 yang lalu secara siaran langsung di saluran Facebook Page rasmi Majlis Perbandaran Kulim Kedah.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam ucapan aluannya menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas komitmen serta tanggungjawab kepada pembayar cukai taksiran. Kutipan hasil cukai taksiran diperlukan untuk menanggung kos penyelenggaraan kemudahan infrastruktur awam dan prasarana serta pembersihan.



Katanya lagi, kaedah pembayaran cukai taksiran pada masa lalu yang lazimnya dibuat melalui pembayaran di kaunter, namun kini lebih mudah dengan adanya kaedah secara digital, membolehkan pelanggan membuat pembayaran terus hanya menggunakan telefon bimbit, walau dimana jua berada. Kempen pembayaran cukai taksiran ini penting bagi memastikan tahap kehidupan, tahap infrastruktur di Kulim boleh dinaik taraf secara berperingkat. Di samping itu, sebarang cadangan, saranan daripada penduduk untuk menambah baik perkhidmatan MPKK, amatlah dialu-alukan demi pembangunan kawasan Kulim.



Berikut merupakan senarai Pemenang Cukai Taksiran MPKK 2024 :

HADIAH UTAMA RM20,000
NOORHAYARTI BINTI AHMAD

HADIAH KEDUA RM10,000 x 2
• TAN KHA CHOO
• KHOO LOOK MOY

HADIAH KETIGA RM5,000 x 4
• SUTHA A/P SHANMUGIAHA
• MUHAMMAD ASYRAF BIN WAHAB
• CHONG TOONG WENG & TANG GAIK BOEY
• HASRUL HUSAINI BIN ISMAIL

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang!!



L E N S A

MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI DAN PROGRAM CABUTAN BERTUAH
CUKAI TAKSIRAN 2024

MAJLIS PERBANDARAN KULIM
7 Mei 2024 | Dewan Bandaran Kulim



PROGRAM GOTONG ROYONG TAPAK PENJAJA BAROKAH, PADANG SERAI

21 Januari 2024 - Program Gotong-Royong di Tapak Penjaja Barokah, Taman Mahsuri, Padang Serai anjuran Jabatan Kesihatan Persekutaran, MPKK dengan kehadiran Ahli Majlis, SWCorp, E-Idaman Sdn Bhd dan penduduk setempat.

MyKiosk merupakan inisiatif kerajaan dalam membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan untuk kembali berdaya saing dan meningkatkan keupayaan perniagaan.



MyKiosk ini juga bertujuan meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk setempat dengan memberi manfaat kepada para peniaga melalui pemberian kadar sewaan kiosk yang rendah. Ia turut menyediakan ruang niaga yang seragam, selamat dan selesa kepada peniaga.



MyKiosk atau Tapak Penjaja Barokah juga menerima suntikan peruntukan daripada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman ini dijangka mula beroperasi pada sekitar akhir bulan Januari 2024. Semoga inisiatif ini dapat menjana kitaran ekonomi dan mendapat sokongan penduduk setempat.



Majlis Perasmian Tapak Penjaja Barokah Zon E-Tunai (Cashless Zone), Taman Mahsuri Padang Serai

31 Januari 2024 - Majlis Perasmian Tapak Penjaja Barokah Zon E-Tunai (*Cashless Zone*), Taman Mahsuri Padang Serai telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Elmi Bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim disaksikan Dato' Azman bin Nasrudin Ahli Parlimen Padang Serai, Cik Amal binti Zubir Setiausaha MPKK, Encik Md Nawiral Musafaa Masdom Ahli Majlis MPKK (Zon 16) dan Encik Shahrizal Said Ahli Majlis MPKK (Zon 15).

Pelaksanaan Tapak Penjaja Barokah Zon E-Tunai (*Cashless Zone*) ini bertujuan meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk setempat dengan memberi manfaat kepada para peniaga melalui penyediaan ruang niaga berpusat yang seragam, selamat dan selesa dengan kadar sewaan kios yang rendah. Selain itu, MPKK amat berharap agar peniaga-peniaga kecil di Kulim ini dapat meningkatkan pendapatan melalui kutipan hasil jualan makanan dan minuman di tapak niaga ini.



Pembinaan tapak penjaja yang menerima peruntukan sebanyak RM200,000 daripada Kerajaan Negeri Kedah ini diharap dapat membantu peniaga kecil untuk lebih berdaya saing dan meningkatkan keupayaan perniagaan serta menjana kitaran ekonomi yang lebih positif buat penduduk setempat.

Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menerima sejumlah 30 unit kios daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Projek Gerai Penjaja : MYKIOSK @ KPKT bagi Pembangunan Gerai dan Kios Rakyat.



Kios ini turut dilengkapi dengan kemudahan elektrik dari sumber tenaga solar. Pada program ini 18 kios dilancarkan membabitkan gerai jualan makanan dan minuman seperti cucur udang, ayam goreng, cendol, bihun sup, laksa, nasi ayam dan pelbagai kuih-muih dengan waktu operasi dari jam 6.30 pagi hingga 7.30 petang setiap hari.

MPKK juga menyahut seruan kerajaan bagi mendidik rakyat untuk merealisasikan budaya tanpa tunai. Program Bayaran Tanpa Tunai (*cashless*) akan dilaksanakan secara meluas di Tapak Penjaja Barokah di mana semua peniaga akan menyediakan platform bayaran tanpa tunai sama ada penggunaan *e-wallet* atau *QR pay* agar pembeli dapat menggunakan platform pembayaran pintar ini dari telefon pintar masing – masing.

Inisiatif *cashless zone* di Tapak Penjaja Barokah ini adalah usaha MPKK untuk membangunkan cashless society di kalangan peniaga dan penduduk ke arah pendigitalan perkhidmatan kepada rakyat.

Setiap peniaga adalah disarankan untuk menjaga kebersihan kawasan perniagaan dan perlu mengendalikan kios tersebut secara sendiri. Pembatalan lesen dan tindakan undang-undang boleh dikenakan sekiranya didapati menyewakan kios kepada pihak lain. Turut hadir Pengarah-pengarah Jabatan MPKK, Wakil Agensi-agensi Daerah Kulim, yang dirai para peniaga Tapak Penjaja Barokah, wakil-wakil KRT Taman Mahsuri dan Taman Lagenda serta wakil pihak media tempatan.





PROGRAM KERJASAMA STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN KULIM DAN HEITECH PADU BERHAD

04 Februari 2024 – Simbolik kerjasama strategik dua hala Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) dan HeiTech Padu Berhad (HTP) untuk membangunkan Daerah Kulim sebagai sebuah bandar pintar telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dan Puan Salmi Nadia binti Mohd Hilmey, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan HeiTech Padu Berhad bertempat di Dewan Alamanda, Kulim Inn.

Objektif utama kerjasama antara MPKK dan HeiTech Padu Berhad adalah untuk menilai persekitaran semasa di bandar Kulim dan mengintegrasikan penyelesaian mampan serta teknologi terkini untuk meningkatkan taraf hidup bandar serta mempromosikan pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.





Dalam ucapan Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK “kerjasama dengan HeiTech Padu Berhad ini akan membolehkan kami memanfaatkan kepakaran mereka dan berkolaborasi dalam merumuskan pendekatan terbaik ke arah pelaksanaan bandar pintar. Di MPKK, kami komited untuk memperkenalkan inisiatif bandar pintar di Kedah, mempersembahkan inovasi dan pembangunan bandar yang mampan.”

Puan Salmi Nadia binti Mohd Hilmey, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan HTP berkata, “sebagai rakan teknologi MPKK, HTP sangat teruja untuk menyumbangkan kepakaran melibatkan teknologi digital, perancangan bandar dan konsep penyelesaian ke arah bandar pintar”.



Kerjasama ini memberi tumpuan kepada tujuh komponen utama yang disenaraikan dalam Kerangka Bandar Pintar Malaysia, iaitu Ekonomi Pintar, Kehidupan Pintar, Alam Sekitar Pintar, Penduduk Pintar, Kerajaan Pintar, Mobiliti Pintar, dan Infrastruktur Digital Pintar.

Simbolik kerjasama strategik dua hala ini disaksikan oleh YB Tuan Wong Chia Zen, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Masyarakat Cina, India dan Siam serta NGO juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, Kulim, Puan Wan Ainol Zilan binti Abdul Rahim, Ahli Lembaga Pengarah HeiTech Padu Berhad, Tuan Haji Mohd Zaini bin Haji Ramli, Tuan Pegawai Daerah Kulim, Ahli-Ahli Majlis MPKK, Puan Setiausaha, Pengarah-pengarah Jabatan MPKK, rakan-rakan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah, rakan-rakan strategik MPKK serta rakan-rakan media.



Program Sumbangan Barangan Keperluan Asas “Door to Door” Sempena Menyambut Perayaan Tahun Baru Cina 2024

7 Februari 2024 - Seramai 10 orang penerima sumbangan di sekitar Daerah Kulim telah menerima bantuan MPKK Prihatin dalam satu program kemasyarakatan yang diketuai oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKK, Tuan Haji Zaidi bin Zainun.



Serahan sumbangan dilaksanakan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK bersama-sama wakil Ahli Majlis, Encik Heh Kian Kiang dan Encik Ch'ng Kok Sheng.

Serahan sumbangan ini dilaksanakan bagi membantu meringankan beban golongan masyarakat cina yang memerlukan bantuan dalam menyambut perayaan Tahun Baru Cina di daerah Kulim.

Turut hadir bersama ialah Pengarah Unit Audit Dalam MPKK, Encik Syarizal bin Ishak.



KARNIVAL TAHUN BARU CINA KULIM 2024

15 Februari 2024- Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN Kulim dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Cina Kedah Selatan telah menganjurkan Karnival Tahun Baru Cina Kulim 2024 julung kalinya diadakan di kawasan DUN Kulim, bertempat di Kulim Kwong Hock Keong, Jalan Market, Kulim.

Majlis Perasmian Karnival Sambutan Tahun Baru Cina 2024 dirasmikan oleh YB Tuan Wong Chia Zhen, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Masyarakat Cina, India Serta Siam dan NGO juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Kulim, Kedah. Turut hadir YB Tuan Roslan Bin Hashim, Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu.

Manakala kehadiran Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), Cik Amal binti Zubir yang mewakili Yang Dipertua MPKK juga diiringi pegawai-pegawai MPKK adalah sebagai tanda sokongan pihak majlis untuk mewujudkan hubungan keharmonian dan perpaduan antara kaum melalui program ini. Di samping itu, MPKK juga komited memberi tanda sokongan kepada YB Tuan Wong Chia Zhen, yang

sentiasa bersama agensi menggembeng tenaga dan idea demi kesejahteraan pelbagai pihak.

YB Tuan Wong Chia Zhen, Ahli DUN Kulim merakamkan penghargaan semasa ucapan perasmian kepada semua agensi kerajaan di Daerah Kulim antaranya pihak MPKK yang sentiasa memberikan kerjasama untuk mengendalikan segala isu-isu setempat. Hasrat YB adalah untuk menjadikan Kulim sejahtera dan bahagia dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat dan penduduk setempat.

YB Tuan Wong Chia Zhen turut menghargai semangat kerjasama yang kuat melalui persatuan-persatuan dan NGO yang terlibat dalam memastikan rakyat Kulim merasai suasana keceriaan dengan pelaksanaan Karnival Tahun Baru Cina di kawasan tersebut yang turut dihadiri pelbagai kaum.

Menurutnya juga, program ini merupakan salah satu wadah dan agen perantaraan antara pemimpin masyarakat, kerajaan, industri yang akan membawa semangat perpaduan yang tinggi dan muhibah.



PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA SERTA PELANCARAN PENANAMAN POKOK TEDUHAN DI BAWAH PROGRAM PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR DAERAH KULIM 2024

10 Mac 2024 - Program Gotong-Royong Perdana Serta Pelancaran Penanaman Pokok Teduhan Di Bawah Program Pemuliharaan Alam Sekitar Daerah Kulim bagi tahun 2024 telah diadakan di Taman Tasik Putra, Kulim.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim dalam ucapannya menyampaikan bahawa melalui Program Gotong Royong Perdana ini, Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah mengadakan pelbagai pengisian untuk mencapai lima (5) objektif iaitu aktiviti gotong royong kebersihan dan penanaman pokok, pelancaran tanaman pokok teduhan, penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf, tazkirah ambang Ramadan, serta penglibatan dan pengiktirafan Rakan Strategik Kebun Komuniti.

Program ini melibatkan kehadiran dan penglibatan daripada pelbagai agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri, agensi swasta, NGO, rakan - rakan strategik MPKK seperti Kebun Komuniti Bandar, Komuniti Rukun Tetangga, para pelajar Tadika Alamku serta komuniti setempat yang hadir bersama Ahli-Ahli Majlis, MPKK.



Yang Berhormat Mejar (B) Mansor bin Zakaria, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan dalam ucapan perasmian menyeru komuniti serta penduduk setempat agar dapat membawa semangat kebersamaan dan aktiviti gotong royong yang diadakan seperti program ini kepada komuniti kawasan masing-masing untuk dijadikan amalan bersama. Masyarakat seharusnya tidak mempunyai sikap hanya melontarkan komen dan rungutan dan hanya mengharapkan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semata-mata tanpa penglibatan dalam sebahagian penyelesaian punca masalah yang timbul seperti isu-isu pencemaran, sampah sarap dan sebagainya.

Pogram diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada Rakan Kebun Komuniti Bandar, serahan replika kunci kepada penerima bantuan program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Fasa 1 2024 seterusnya tazkirah ambang Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Mohammad Iskandar Shah bin Ibrahim, merangkap Ahli Majlis (Zon 03) MPKK.





L E N S A

*PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA SERTA PELANCARAN
PENANAMAN POKOK TEDUHAN DI BAWAH PROGRAM
PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR DAERAH KULIM 2024
10 MAC 2024 | TAMAN TASIK PUTRA, KULIM*





PROGRAM GERAK KERJA RAKAN TAMAN DAN TUAIAN TANAMAN SAYURAN DI KEBUN KOMUNITI BANDAR PERMATA LUNAS FASA 2, LUNAS

18 Februari 2024 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) dengan kerjasama Pejabat Pertanian Daerah Kulim, Pejabat Perpaduan Daerah Kulim dan penduduk Bandar Permata Lunas Fasa 2, telah mengadakan Program Gerak Kerja Rakan Taman dan Tuaian Tanaman Sayuran bertempat di Kebun Komuniti Bandar Permata Lunas Fasa 2, Kulim.

Program dimulakan dengan taklimat Rakan Taman yang disampaikan oleh Ts. Rozita binti Awang, Penolong Pengarah Bahagian Landskap, Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK berkenaan dengan elemen serta pengurusan Kebun Komuniti. Acara perasmian telah disempurnakan oleh TPr. Haji Hamzah bin Ab. Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap, MPKK mewakili Yang Dipertua MPKK serta diiringi Encik Jusri bin Mohd Nayan, Ahli Majlis MPKK (Zon 13) dan Puan Hajah Ummi Kalsom binti Ishak selaku Pegawai Penyelaras Kebun Komuniti Bandar, Jabatan Perancangan dan Landskap, MPKK.

Turut hadir, Puan Nurul Ain binti Mohd Nadri, Pegawai Pertanian Daerah Kulim, Puan Arisyawati binti Alaudin Pegawai, Perpaduan Daerah Kulim dan Bandar Baharu, Ustaz Najib bin Desa, Imam Kariah Bandar Permata Lunas Fasa 2 serta seluruh penduduk Taman Bandar Permata Lunas Fasa 2, Lunas.





MAJLIS PENUTUP TADARUS AL-QURAN DAN PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI

04 April 2024 - Majlis Penutup Tadarus AL-Quran dan Penyerahan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada Warga Kerja dan Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) bertempat di lobi MPKK.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam ucapan aluannya mengingatkan kepada semua anggota supaya merancang perjalanan pulang ke kampung agar dapat sampai ke destinasi dengan selamat.



Seterusnya, Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada peserta Tadarus Al-Quran yang telah disampaikan oleh YBhg. Datin Azlina binti Md. Zuki, Pengerusi Puspanita Daerah Kulim. Seramai 60 orang peserta telah berjaya mengkhataam Al-Quran dengan jayanya.

Yang Dipertua MPKK menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2024 kepada Ahli Majlis seterusnya wakil bagi setiap jabatan / unit.

Turut hadir Cik Amal binti Zubir, Puan Setiausaha MPKK, Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan, Ketua-Ketua Unit, MPKK. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar beramai-ramai bersama Yang Dipertua, Pengerusi Puspanita Daerah Kulim, Ahli Majlis serta anggota MPKK.





PROGRAM VOLUNTEER BEYOND BENIH

25 Mei 2024 - Program *Volunteer Beyond Benih* di Kebun Komuniti Taman Angsana, Kulim. Program Kebun Komuniti *British American Tobacco (Malaysia) Berhad* (BAT) dalam usaha untuk mencapai sara diri makanan di seluruh negara.

Hasil tanaman daripada kebun dijual semula kepada ahli komuniti dengan kadar di bawah harga pasaran. Keuntungan jualan dilaburkan semula untuk kegunaan projek kebun, termasuk sebagai sumber pendapatan kepada pekerja yang telah menyumbangkan tenaga dan masa mereka.

Program *Volunteer Beyond Benih* adalah sebahagian komitmen BAT Malaysia ke arah membina 'A Better Tomorrow' dengan mewujudkan masa depan saksama dan mampan.

Terima kasih kepada pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Pertanian dan Pejabat Perpaduan Daerah Kulim serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.





**PERLAWANAN RASMI SUMBANGSIH
STADIUM KULIM**

26 Mei 2024 - Setelah segala daya dan Usaha yg dilakukan selama ini dalam membangunkan Stadium Kulim , kini Stadium Kulim telah diterangi dengan pencahayaan lampu limpah baharu yang menerangi segenap penjuru Stadium Kulim khas buat peminat Bola Sepak serta warga Millennium Kulim yg semestinya akan menjadi port lepak sekeluarga menonton sambil menikmati suasana malam di Stadium Kulim.

Perlawanan persahabatan ini adalah sempena pembukaan semula Stadium Kulim dan merupakan perasmian pembukaan bermain bola sepak pada waktu malam yang sekian lama dinanti-nantikan oleh seluruh pencinta bola sepak daerah Kulim yang akan berlangsung pada 26 Mei 2024 (Ahad) jam 9 malam.





KEMPEN *TREAT THE GREASE*

26 Mei 2024 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menganjurkan Kempen *Treat the Grease* bertempat di Kulim Landmark Central. Majlis Perasmian Kempen ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK.

Objektif kempen adalah untuk memastikan pengusaha premis makanan dapat memahami akan kepentingan pemasangan perangkap minyak di premis-premis makanan serta memberi pendidikan tentang cara pengendalian dan penyelenggaraan perangkap minyak, lemak dan sisa makanan dengan betul.

Turut hadir, YB Encik Khairul Anuar bin Ramli, ADUN Lunas; Dr. Siti Noorkhamariah binti Ramli, Pegawai Kesihatan Daerah II, Pejabat Kesihatan Daerah Kulim; Encik Mohd Shukri Baharom, Ketua Operasi Indah Water Konsortium (IWK); Cik Nadzatul Shima Razali, Pengurus Kulim Central; wakil agensi kerajaan peringkat Daerah Kulim, SWCorp Kulim, Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd., Ahli-Ahli Majlis MPKK, Pengarah-pengarah Jabatan MPKK serta rakan media.



**MAJLIS HI-TEA DAN MEDIA ENGAGEMENT
SEMPENA HARI WARTAWAN NASIONAL 2024**

27 Mei 2024 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan Majlis *Hi-Tea* dan “*Media Engagement*” Sempena Hari Wartawan Nasional 2024 ini bertemakan “Etika Teras Kewartawanan Mampan” telah diadakan bertempat di Kulim Inn, Kulim Kedah.

Pihak MPKK mengadakan Majlis ini adalah sebagai menghargai peranan dan usaha rakan media di samping bagi mengukuhkan hubungan kerjasama strategik di antara MPKK dan rakan-rakan media tempatan. Peranan rakan-rakan media amat penting dalam menyampaikan segala maklumat dan liputan program yang relevan dan tepat kepada masyarakat setempat.



Penyampaian Sijil Penghargaan kepada rakan media yang disampaikan oleh Yang Dipertua MPKK:-

- Rakan Strategik Pengamal Media (wartawan):-
1. Puan Sarah binti Abdul Halim - Mewakili Pegawai Penerangan Daerah Kulim
 2. Encik Azahar bin Hashim, Pemberita Utusan dan Kosmo
 3. Encik Low Pek Keong, Pemberita Sin Chew Daily
 4. Cik Hemananthini Subramanim – Pemberita Thisaigal
 5. Puan Sarina Ismail – Pemberita Harakah
 6. Encik K.R Murthi – Pemberita Makkal Osai

Pempengaruh Media Sosial Tempatan juga khususnya daripada Kulim turut diiktiraf akan peranan pentingnya sebagai perantara dan medium penyampaian maklumat kpd masyarakat:-

- Rakan Strategik Media Sosial :-
1. Kulim Media TV
 2. Man Kulim (Man Pening)



Majlis dimulakan dengan sesi taklimat Hala Tuju Pembangunan Kulim 2035 oleh TPr. Haji Hamzah bin Ab Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK dan ucapnama daripada Dato’ Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim.

Turut hadir Yang Berhormat Tuan Khairul Anuar bin Ramli, Adun Lunas; Yang Berhormat Tuan Roslan Bin Hashim, Ahli Parlimen Kulim – Bandar Baharu; Tuan Haji Badrol Hisam bin Mohd Yusoff, Ketua Whip merangkap Ahli Majlis MPKK; Puan Sarah binti Abdul Halim mewakili Pegawai Penerangan Daerah Kulim; Cik Amal binti Zubir, Puan Setiausaha MPKK; Ahli-ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan, Ketua-Ketua Unit, Pegawai-pegawai MPKK.





MAJLIS PENYERAHAN TAPAK BENGKEL AIR MERAH, MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH (MPKK) KEPADA PIHAK MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH (MAIK)

02 Jun 2024 – Majlis Penyerahan Tapak Bengkel Air Merah, Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) kepada Pihak Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) yang diadakan pada 02 Jun 2024 (Ahad) adalah sebagai simbolik penyerahan tapak secara rasmi oleh pihak MPKK kepada pihak MAIK secara rasminya. Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Dato' Wira Syeikh Yahaya bin Jusoh, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam ucapannya berkata “tapak bengkel MPKK Air Merah, Jalan Junjong ini telah mula digunakan oleh pihak MPKK sejak tahun 1976, di mana pada ketika itu, tanah ini berstatus tanah rizab (Reserved Certificate – RC). Pihak MPKK telah menggunakan tapak bengkel Air Merah ini bagi menempatkan stor Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Jabatan Penguatkuasaan. Namun kini, Jawatankuasa Masjid At-Taufiq telah membuat permohonan hakmilik tanah Tapak Bengkel MPKK melalui pihak MAIK bagi tujuan tapak tanah perkuburan memandangkan kapasiti tapak perkuburan bagi kariah Air Merah yang semakin berkurangan”.



“Di kesempatan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak MAIK dan juga kepada Ahli Jawatankuasa Masjid At-Taufiq serta seluruh anak-anak kariah atas kerjasama dan budi bicara untuk memberi ruang masa kepada pihak MPKK bagi menyelesaikan isu perpindahan keluar aset-aset MPKK di tapak bengkel yang kini secara rasminya adalah hakmilik MAIK”, ujarnya lagi.

Simbolik penyerahan ini disaksikan oleh Cik Amal binti Zubir, Puan Setiausaha MPKK; Encik Mu' Ammar bin Haji Mohamad Ali, Penolong Pegawai Daerah; Ustaz Affan bin Kosim, Pegawai Seranta MAIK; Tuan Haji Badrol Hisam bin Mohd Yusoff, Ketua Whip Ahli Majlis MPKK; Encik Abdullah bin Che Ya, Ahli Majlis Zon 1 MPKK; Pengarah-pengarah dan anggota MPKK serta Ahli Jawatankuasa Masjid At-Taufiq, kariah Air Merah.



PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA (HAS) PERINGKAT NEGERI KEDAH

2 Jun 2024 - Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Kedah Tahun 2024 telah diadakan bertempat di Dataran Tsunami, Kota Kuala Muda. Program ini dianjurkan oleh Pejabat Exco Alam Sekitar Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan Yayasan Strategik Lestari.

Pihak Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) turut memberi sokongan dengan penyertaan dan kehadiran Ahli-Ahli Majlis, Pegawai Kawasan (Area Officer) dan juga anggota MPKK. Turut hadir Tuan Haji Zaidi bin Zainun, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPKK. Penglibatan daripada pihak MPKK ini adalah sebagai tanda sokongan untuk bersama-sama mengembleng tenaga dan gerak kerja bagi melaksanakan aktiviti pembersihan di kawasan sekitar Pantai Kuala Muda dan Pulau Sayak.



Program Sambutan Hari Alam Sekitar ini adalah satu usaha yang sangat baik untuk menyuntik kesedaran dan mendidik masyarakat pelbagai pihak sebagai usaha pemeliharaan alam sekitar demi kelestarian alam untuk kesejahteraan generasi akan datang.

Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Muhammad Sanusi bin Md. Nor, Menteri Besar Negeri Kedah.

Program Tanam Pokok dan Lawatan Media Ke Kebun Komuniti Bandar Taman Serai Setia, Padang Serai

8 Jun 2024 – Program Tanam Pokok dan Lawatan Media ke Kebun Komuniti Bandar Taman Serai Setia, Padang Serai (Zon 15) telah diadakan dengan penglibatan penduduk Taman Serai Setia, pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Guar Lobak dan juga Ahli Komuniti Kebun Bandar, Taman Serai Setia.

Program ini turut dihadiri oleh Ustaz Shahrizal bin Said (Ahli Majlis Zon 15), Cik Amal binti Zubir (Setiausaha MPKK), TPr. Haji Hamzah bin Ab. Halim (Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap), Puan Nurul Ain binti Mohd Nadri (Pegawai Pertanian Daerah Kulim) dan Ts. Rozita binti Awang (Penolong Pengarah Bahagian Landskap MPKK), Encik Firdaus bin Saiden (Pegawai Kawasan Zon 15) serta pegawai dan anggota MPKK.

Acara penanaman pokok secara gotong-royong ini melibatkan tanaman jenis Pokok Hujan-hujan (Samanea Saman) sebanyak dua (2) batang pokok telah ditanam di kawasan padang Taman Serai Setia. MPKK telah menyasarkan penanaman sebanyak 10 pokok setiap zon melalui penanaman secara gotong royong di kawasan Daerah Kulim melibatkan 18 lokasi mengikut zon Ahli-Ahli Majlis sebagai usaha pemuliharaan alam sekitar dan pemerkasaan komuniti.

Di samping itu, pelbagai pengisian menarik turut diadakan seperti pertandingan memancing ikan keli di kolam kebun komuniti dan juga bola baling yang melibatkan pelajar-pelajar daripada Sek. Keb. Guar Lobak. Aktiviti ini diharapkan dapat mengeratkan hubungan ukhwah dan menyuntik semangat kebersamaan di kalangan warga penduduk.

Rakan strategik media iaitu Kulim Media TV yang hadir membuat liputan kebun komuniti Taman Serai Setia adalah sebagai medium penyampaian maklumat kepada masyarakat. Inisiatif penduduk ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat untuk mencari peluang bagi mewujudkan kebun komuniti yang berpotensi untuk menyediakan ruang hijau, menjana sumber makanan segar, mewujudkan perpaduan masyarakat, hubungan dengan alam sekitar, sudut ilmu dan menjana pendapatan penduduk.





PROGRAM QURBAN KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM (KKS MPKK) TAHUN 2024/1445H

20 Jun 2024 – Kelab Kebajikan dan Sukan MPKK telah menganjurkan program Qurban bertempat di Surau Az-Zuhud MPKK.

Marilah kita sama-sama muhasabah diri untuk memanfaatkan kelebihan rezeki yang dikurniakan Allah SWT kepada kita untuk melaksanakan ibadah korban.

Semoga ibadah korban dan amal kebajikan yang kita lakukan atas dasar keikhlasan dan ketaqwaan kepada Allah SWT diterima dan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda.



PROGRAM KEMAMPAKAN KOMUNITI BANDAR - KARNIVAL KEMERIAHAN KOMUNITI KULIM BAGI TAHUN 2024



23 Jun 2024 – Majlis Perasmian Karnival Kemeriahn Komuniti Kulim 2024 telah berlangsung penuh meriah di Taman Tasik Putra, Kulim.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Wong Chia Zhen, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia Masyarakat Cina, India dan Siam serta NGO Negeri Kedah Darul Aman juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, Kulim.

Majlis Perasmian ini telah disaksikan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK; YB Khairul Anuar bin Ramli, Ahli Dewan Undangan Negeri – Lunas; Encik Abdul Halim bin Hassan, Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim; Cik Amal binti Zubir, Setiausaha MPKK; Tuan Haji Badrol Hisam bin Mohd Yusoff, Ketua Whip Ahli Majlis MPKK dan Tuan Haji Mohammad Iskandar Shah bin Ibrahim, Ahli Majlis Zon 3. Turut hadir, rakan-rakan strategik di kalangan agensi dan rakan-rakan media serta warga penduduk yang turut hadir.



Pelbagai acara / pertandingan bersama komuniti setempat telah diadakan seperti sepak penalti, street soccer, sepak raga tuju, boling buah 'nyoq', memanah, e-sport untuk golongan belia, pertandingan memasak, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak serta fun ride yang diadakan pada waktu malam 22 Ogos 2024.

Selain itu, penyertaan pameran daripada agensi kerajaan, NGO dan swasta iaitu daripada PDRM, BOMBA, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pertanian Daerah Kulim, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Lembaga Tabung Haji, SWCorp, PERKESO, Kulim Smart Parking (KSP), Adtec Kulim, Politeknik Kulim seterusnya pelbagai lagi agensi yang turut serta seperti pihak bank dan NGO.



L E N S A

Program Kemampanan Komuniti Bandar Karnival Kemeriahan Komuniti Kulim
Tahun 2024
20 – 23 Jun 2024
Taman Tasik Putra, Kulim



PROGRAM GOTONG ROYONG MEGA TAMAN KENARI, KULIM

25 Jun 2024 – Penglibatan Majlis Perbandaran Kulim dalam program rakan strategik iaitu Pejabat Kesihatan Daerah Kulim (PKD Kulim) bersama-sama penduduk setempat untuk gerak kerja Program Gotong-Royong Mega di Taman Kenari, Kulim.

Antara agensi-agensi yang turut terlibat ialah Pejabat Daerah, SWCorp, E-Idaman Sdn. Bhd., wakil Pejabat ADUN Kulim, Ahli Majlis, PDRM, RELA, APM, JKR, Maahad Ibnu Sina, Pejabat Agama, NGO JITU, Jabatan Perpaduan, KRT Taman Kenari dan Jawatankuasa Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq Taman Kenari.

Tujuan gotong-royong mega diadakan bertujuan untuk membendung wabak denggi daripada terus merebak dan mengancam kesihatan.

Penduduk mempunyai peranan penting untuk memastikan kebersihan kawasan persekitaran tempat tinggal agar bebas daripada tempat pembiakan nyamuk.





LAWATAN KERJA AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KEDAH

23 Januari 2024 - Lawatan Kerja oleh YB. Mejar (B) Mansor Bin Zakaria, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kesihatan) bersama YB Wong Chia Zhen, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Masyarakat Cina, India dan Siam serta NGO) ke Majlis Perbandaran Kulim Kedah.

Antara tujuan lawatan kerja tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat secara langsung berkenaan kemajuan dan perancangan di Daerah Kulim serta maklum balas isu-isu semasa oleh kedua-dua pihak Pengerusi Jawatankuasa tersebut.





LAWATAN TURUN PADANG (TUPA) BIRO PENGADUAN AWAM (BPA) BERSAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

22 Februari 2024 – Sesi lawatan turun padang (TUPA) delegasi Biro Pengaduan Awam (BPA) diketuai oleh YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Pengarah BPA, Jabatan Perdana Menteri dan turut disertai oleh pegawai-pegawai BPA Pulau Pinang/Kedah/Perlis.

MPKK menyambut lawatan TUPA BPA ini yang juga dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK bertempat di Jalan Kampung Sungai Limau dan Taman Sri Seladang, Lunas.

Lawatan ini diadakan bagi meninjau aduan serta isu-isu berkaitan di kawasan tersebut. Turut hadir bersama semasa sesi lawatan ini adalah Pengarah-pengarah serta wakil jabatan MPKK yang terlibat.





KUNJUNGAN HORMAT YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH KE ATAS KETUA SETIAUSAHA NEGARA

23 Februari 2024 - Delegasi kunjungan hormat ke atas Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali diketuai oleh Yang Dipertua MPKK, YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, diiringi bersama Setiausaha dan beberapa orang pegawai MPKK.

Kunjungan hormat ini juga sebagai simbolik kepada usaha mengeratkan hubungan silaturahim antara penjawat awam kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

“Segala ilmu, pengalaman dan pandangan yang dikongsi dalam menerajui urus tadbir sektor awam ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan inspirasi buat saya dan para pegawai dalam mengurus tadbir organisasi Majlis Perbandaran Kulim Kedah.”

“Sesungguhnya, program kunjungan hormat kepada YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara merupakan suatu pengalaman yang sangat berharga kepada saya dan para pegawai.” ujar Dato' Yang Dipertua.





LAWATAN YANG DIPERTUA MPKK KE TAPAK PELUPUSAN SANITARI (TPS) PADANG CHINA

23 Mei 2024 - Satu sesi lawatan yang diketuai oleh Yang Dipertua MPKK ke Tapak Pelupusan Sanitari Padang China bersama dengan beberapa Pengarah Jabatan dan Pegawai Majlis yang terlibat.

Lawatan tersebut diadakan adalah bertujuan untuk membuat tinjauan ke atas sel tapak pelupusan sanitari sedia ada di TPS Padang China yang hampir mencapai kapasiti maksimum.

Berdasarkan maklum balas daripada Encik Jaafar Saddiq, Pengarah Urusan, Panimex Construction (M) Sdn. Bhd. iaitu kontraktor yang menguruskan operasi TPS Padang China, tapak sedia ada hanya mampu bertahan selama 4 bulan sahaja lagi berbanding jangka hayat asal kerana TPS Padang China terpaksa menampung sampah dari Daerah Sungai Petani, Yan, Sik dan Baling yang mana kapasiti sampah mencecah kepada 800 tan ke 1000 tan sehari susulan daripada penutupan TPS Semeling, Sg. Petani sekitar tahun 2020 akibat daripada kesan kebakaran serta masalah *leachate*.

Kapasiti asal TPS Padang China hanya direka untuk menampung sekitar 400 tan sampah sehari

sahaja untuk Daerah Kulim, Bandar Baharu dan PBT Hi-Tech.

Pihak Panimex Construction (M) Sdn. Bhd. juga memaklumkan pihaknya dalam cadangan untuk menggunakan ruangan di antara Sel 1 dan Sel 2, di mana penggunaan kawasan tersebut akan membentuk *supercell* dengan jangka hayat boleh mencapai sehingga 10 tahun Lagi. Pengurusan sampah secara sistematik perlu dilaksanakan di Daerah Kulim iaitu secara WTE (Waste to Energy) yang mana akan melibatkan pihak Majlis, JPSPN dan kontraktor sampah di tapak.

Setiap warga Kulim perlu bekerjasama dalam pengurusan sampah yang lebih teratur bagi memastikan Kulim bersih dan lestari.

Justeru itu, penduduk perlu memberi perhatian dan usaha bagi mengurangi bahan-bahan sisa dan sampah dengan melaksanakan kitar semula, penggunaan semula barangan antara langkah alternatif yang boleh dilaksanakan demi kesejahteraan alam sekitar untuk generasi akan datang.





KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA CHINA ASSOCIATION OF ENVIRONMENTAL PROTECTION INDUSTRY (CAEPI)

23 Jun 2024 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) menerima kunjungan hormat lawatan kerja daripada delegasi China Association of Environmental Protection Industry (CAEPI).

Delegasi lawatan daripada CAEPI yang diketuai oleh Mr. Gou Cheng Zhen, *President of China Association of Environmental Protection Industry (CAEPI)* juga terdiri daripada beberapa perwakilan syarikat daripada China seperti:-

- Anhui Landun Photoelectron Co., Ltd.
- Hebei Saimosen Environmental Technology Co., Ltd.
- Jiangsu Sujing Environment Engineering Co., Ltd.
- Huanhong Water Group Co., Ltd.
- BeiWei Environmental Technology (Shanghai) Co., Ltd.
- Nanjing Analytical Instrument Factory Co., Ltd.
- Wuhan City Environment Protection Engineering (M) Sdn. Bhd. (CCEPC)
- Beijing Enterprises Environmental Protection Equipment Guangdong Co., Ltd.
- Xin Sheng Environment (M) Sdn. Bhd.
- Greenova Co., Ltd.
- Kulim Chinese Hall President and Team

Tujuan lawatan bagi delegasi ini adalah untuk mengenal pasti potensi pembangunan industri di Kulim khasnya untuk melihat kaedah dan amalan baik dalam menyeimbangkan pembangunan industri dengan amalan, peraturan yang selaras dengan pembangunan dan inisiatif teknologi hijau demi pemeliharaan alam sekitar.

Sesi lawatan ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dan berbalas ucapan oleh Mr. Gou Cheng Zhen.

Taklimat pembangunan industri untuk potensi perancangan pemajuan di kawasan Kulim Industri Corridor (KIC) telah disampaikan oleh TPr. Haji Hamzah bin Ab Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK manakala taklimat berkaitan mengintegrasikan pengurusan alam sekitar dengan pengoperasian perniagaan/ industri di Kulim disampaikan oleh Encik Ahmad Shakir bin Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK.





LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

Tarikh : 14 Februari 2024 | Masa : 9:00 Pagi

Delegasi diketuai oleh Encik Muhammad Zaki bin Yahya,
Setiausaha, Majlis Perbandaran Port Dickson

Tujuan lawatan kerja adalah perkongsian ilmu berkaitan Pengurusan Sistem
National BIM E-Submission Initiative (Nbes) di MPKK.



LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Tarikh : 08 Mei 2024 | Masa : 9:30 Pagi

Delegasi diketuai oleh Tuan Mohd Fadil bin Misnan, Ketua WHIP Majlis Perbandaran Kulai.
Tujuan lawatan adalah sebagai penanda aras dan bengkel teknikal bagi pelaksanaan *Kulai Fast Lane (KFL) 2.0*



LAWATAN NORTHERN GATEWAY SDN. BHD BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Tarikh : 12 Mei 2024 | Masa : 10:00 Pagi

Delegasi diketuai oleh Tuan Badrulhisham bin Sulaiman, Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Tuan Abdul Razak bin Abdullah,
Director Project Northern Gateway Sdn. Bhd

Tujuan lawatan untuk sesi perkongsian ilmu dan taklimat berkaitan pelaksanaan inisiatif E10.



LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH (MPSPK)

Tarikh : 15 Mei 2024 | Masa : 10:00 Pagi

Delegasi diketuai oleh TPr. Rohani binti Abu Bakar, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar, MPSPK.

Tujuan lawatan kerja ini adalah sebagai sesi perkongsian ilmu bagi pemantapan Aplikasi GIS, Pengurusan Perancangan Pembangunan dan Perkhidmatan Perbandaran oleh MPKK.



LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH (MPSPK)

Tarikh : 21 Mei 2024 | Masa : 9:30 Pagi

Delegasi diketuai oleh Puan Noorulhuda binti Mohamed Ali, Setiausaha MPSPK

Tujuan lawatan ini adalah sebagai penanda aras MPSPK terhadap pelaksanaan Aplikasi Kulim Smart Parking (KSP) oleh MPKK.



LAWATAN PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA, UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SEMBILAN & MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (MBS)

Tarikh : 25 Jun 2024 | Masa : 09:00 Pagi

Delegasi diketuai oleh YB Tuan Teo Kok Seong, Exco Perindustrian Dan Hal Ehwal bukan Islam, Negeri Sembilan.

Tujuan lawatan adalah sesi perkongsian dan taklimat pembangunan industri serta perancangan pemajuan di kawasan Kulim Industrial Corridor (KIC) oleh MPKK.



LAWATAN MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Tarikh : 27 Jun 2024 | Masa : 9:00 Pagi

Delegasi diketuai oleh Encik Muhamad Soffi bin Othman, Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Bahagian Pusat Setempat (OSC).

Tujuan lawatan adalah untuk penanda aras pelaksanaan inisiatif E10 dan pengurusan Sistem KIDs di Majlis Perbandaran Kulim.

Tahniah

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

Majlis Perbandaran Kulim



Atas Anugerah

THE CHAMPION OF 'EASE OF DOING BUSINESS'
(Kelulusan Terpantas Projek Skala Sederhana)

Sempena

PROGRAM SESI TOWNHALL PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J41/44
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMALAYSIA) TAHUN 2024

24 Jun 2024 - Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Kulim telah dianugerahkan Anugerah Khas Ketua Pengarah PLANMalaysia The Champion Of "Ease Of Doing Business" bagi Kelulusan Terpantas Projek Berskala Sederhana.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Datuk TPr Dr. Alias bin Ramli, Ketua Pengarah PLANMalaysia sempena Program Sesi Townhall Pegawai Perancangan Bandar dan Desa Gred J41/44 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) yang berlangsung pada 24 Jun 2024 bertempat di Vivatel Hotel, Kuala Lumpur.

Mini Pelancaran Operasi Ramadhan 2024 Daerah Kulim dan *Walkabout* di Bazar Ramadhan Taman Mahsuri, Padang Serai.

13 Mac 2024 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kulim dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Kulim telah melancarkan *Ops Ramadhan 2024* dan sesi *walkabout* di Tapak Bazar Ramadan Taman Mahsuri, Padang Serai.

Majlis disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim bersama Dr. Mohd Zukri Bin Ibrahim, Pegawai Kesihatan Daerah Kulim dengan gimik pemakaian apron dan topi pada pengendali makanan.



Majlis diteruskan dengan *walkabout* dan penyerahan cenderahati kepada para peniaga. Pasukan pemeriksa yang terdiri daripada anggota Pejabat Kesihatan Daerah Kulim dan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Kulim telah menjalankan pemeriksaan ke atas 102 gerai jualan yang beroperasi di bazar tersebut.

Program diadakan bagi mempromosikan amalan keselamatan makanan di peringkat pengusaha dan pengendali Bazar Ramadan. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis.



OPERASI SITAAN KENDERAAN TERBIAR OLEH JABATAN PENGUATKUASAAN, MPKK

Seksyen 46 (1)(e) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], mendefinisikan kenderaan terbiar sebagai mana-mana kenderaan atau apa-apa bahagiannya yang diletakkan atau menyebabkan halangan di mana-mana tempat awam, lebuh atau siar kaki dan atau dalam mana-mana kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kenderaan terbiar antara wabak permasalahan yang semakin serius. Orang ramai disaran untuk melupuskan kenderaan yang dirasakan tidak selamat, tidak boleh atau tidak lagi berbaloi untuk terus digunakan.

Trend kenderaan terbiar kini kelihatan banyak berada di kawasan bengkel membaiki kenderaan. Dihantar ke bengkel dengan niat baik pulih. Apabila dimaklumkan jumlah kos dan dirasakan tidak lagi berbaloi, kenderaan dibiarkan begitu sahaja di persekitaran bengkel.

Bantu kami ! Bertanggungjawab dengan kenderaan hak milik anda. Tindakan pelupusan oleh pemilik kenderaan adalah jauh lebih mudah berbanding langkah pelupusan oleh PBT yang perlu melalui beberapa proses undang-undang sebelum kenderaan boleh dilupuskan sepenuhnya.



Berhadapan Pejabat SADA Kota Kenari, Kulim



Simpang masuk ke Lorong Kenari 3/3, Taman Kenari, Kulim



Bengkel Reformasi Peraturan Melalui Media

24 Mac 2024 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) bersama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mengadakan Bengkel Reformasi Peraturan Melalui Media yang bertujuan untuk memperkasa kecekapan penyampaian peraturan sedia ada yang dilaksanakan oleh PBT dan agensi teknikal di Kulim, Kedah melalui inisiatif E10 serta meningkatkan keberkesanan reformasi peraturan yang dilaksanakan melalui media. Bengkel Reformasi Peraturan Melalui Media telah diadakan bertempat di Hotel Sunway Seberang Jaya, Pulau Pinang.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam ucapan aluannya berkata "sejak 3 tahun yang lalu, MPKK dengan bantuan dan kerjasama MPC telah mencipta kejayaan pelaksanaan inisiatif Permit Pembinaan Ekspres (E10) yang telah memberi impak yang sangat besar ke atas peningkatan produktiviti, ekonomi dan daya saing sektor perkilangan di Negeri Kedah khususnya di bandar Kulim".



"Pendekatan 'Whole of Government' dan digitalisasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan di MPKK menjadi sokongan kuat kepada kejayaan inisiatif ini. Pendekatan ini diterapkan dengan menarik minat semua pihak berkepentingan yang terlibat seperti anggota MPKK, seluruh agensi teknikal dalaman, agensi teknikal luaran, pelabur/pemaju dan perunding", ujarnya lagi.

Turut hadir, Tuan Haji Zahid bin Ismail, Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); YBhg. Dato' Haji Mohd Shahadan bin Haji Abdullah (TBC), Pengarah Pejabat Tanah Galian Negeri Kedah; Encik Mohamad Azrol Mohamad Dali, Pengarah MPC Pejabat Wilayah Utara; TPr Tuan Haji Hamzah bin Abd Halim, Pengarah Jabatan Perancangan Dan Landskap (MPKK); Puan Nurul Azhani binti Shaharim, Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Pembangunan), Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah, wakil-wakil agensi teknikal luaran dan juga jabatan dalaman MPKK.





KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI MELALUI PEMAHAMAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) MPKK

Tarikh : 13 Jun 2024 (Khamis)

Tempat : Kulim Inn, Kulim, Kedah

Penceramah : Encik Alif bin Hamzah, Penolong Pengarah Unit Undang-Undang, MPKK

Jumlah Peserta : 40 orang



Kursus Pemantapan Tatabahasa Dalam Penulisan Dokumen Rasmi Kerajaan

Tarikh : 04 dan 05 Jun 2024 (Selasa dan Rabu)

Tempat : Kulim Inn, Kulim, Kedah

Penceramah : Puan Norliza binti Abu Bakar

Jumlah Peserta : 40 orang

TAHUKAH ANDA?



TANGGUNGAN PENDUDUK & MPKK DALAM PEMBANGUNAN BANDAR KULIM

BILANGAN PEGANGAN KULIM:

87,000

1. KOMITMEN PEMBAYAR CUKAI SETAHUN

Teres Per Unit : RM 85.00/THN @ RM0.23/SEHARI
 Semi-D Per Unit : RM150.00/THN @ RM0.41/SEHARI
 Banglo Per Unit : RM300.00/THN @ RM0.82/SEHARI
 Rumah Kedai Per Unit : RM1000/THN @ 2.74/SEHARI

2. KOMITMEN MPKK SEBULAN

Lampu Jalan : RM450K/BLN
 E-idaman : RM670K/BLN
 Penyenggaraan Pothole : RM85K/BLN
 Penyenggaraan Longkang : RM150K/BLN
 Penyenggaraan Riadah & Taman : RM130K/BLN
 Jumlah Keseluruhan Komitmen MPKK Sebulan : RM1.485Juta

Cukai Taksiran merupakan cukai yang dikenakan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) ke atas pegangan berkadar seperti Bangunan kediaman, Bangunan Perniagaan (Kedai, Kompleks Perniagaan, Pejabat, Stesen Minyak dan sebagainya), Bangunan Perindustrian (kilang, pencawang), Tanah Kosong (Bangunan, Perniagaan dan sebagainya) yang terletak di dalam kawasan Majlis Perbandaran Kulim Kedah.

Secara ringkasnya, cukai taksiran dikenakan kerana kediaman atau premis anda berada di dalam kawasan pentadbiran Majlis atau Pihak Berkuasa Tempatan. Semua kos pengurusan dan pentadbiran Bandar Kulim menggunakan sumber daripada cukai taksiran yang dikenakan kepada pemilik bangunan di kawasan Kulim. Antaranya ialah bayaran bil elektrik (lampu jalan, lampu isyarat, bangunan awam), bayaran bil air untuk bangunan awam (pasar, tandas, dewan, stadium), penyelenggaraan jalan, parit jalan, gerai dan bangunan awam, penyelenggaraan landskap, penyelenggaraan lampu jalan, mengatasi bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.



MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH (MPKK)
NO.1, LEBUH BANDAR 2, BANDAR PUTRA, 09000 KULIM,
KEDAH DARUL AMAN.

T : 04-4325 225

F : 04-4325 229

E : info@mpkk.gov.my

Facebook : [majlisperbandarankulim](#)

Instagram : [info_mpk](#)

Twitter : [mediampkk22](#)

Website : <https://www.mppk.gov.my>

VISI

**KULIM BANDAR BERDAYA HUNI : PINTAR , MAKMUR
DAN DAMAI.**

MISI

**MPKK KOMITED UNTUK MEMPERKUKUHKAN
INTERAKSI DENGAN KOMUNITI BAGI MEMBINA
KULIM SEBAGAI BANDAR PINTAR, BANDAR
MAKMUR DAN BANDAR DAMAI.**